

10 JUL 2003

Mahathir-Tamadun/I

FAHAMI ISLAM SEBELUM ADAKAN DIALOG KETAMADUNAN - KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Umat Islam perlu memahami Islam dengan menyeluruh sebelum mengadakan dialog ketamadunan dengan bukan Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata walaupun idea mengadakan dialog itu baik, umat Islam harus mengkaji diri mereka terlebih dahulu kerana tidak ada antara mereka yang benar-benar memahami Islam.

"Kita perlu memastikan kita tahu di mana kedudukan kita. Sesetengah orang berkata adalah salah walaupun untuk bercakap dengan bukan Islam. Adalah salah untuk berhubung dengan mereka, untuk bekerja dan bermain dengan mereka ... saya rasa, ini adalah mitos yang perlu ditolak," katanya pada sesi dialog selepas beliau merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan seorang peserta asing yang bertanya sama ada multaqa itu akan menyarankan supaya diadakan dialog ketamadunan memandangkan ramai pakar yang kini memperkatakan mengenai perbalahan ketamadunan.

Menurutnya adalah penting bagi umat Islam untuk bersikap terbuka bahawa Islam bukanlah penghalang kepada interaksi mereka dengan bukan Islam.

"Pada masa itu, saya fikir, apabila kita mengadakan dialog dengan bukan Islam, kita akan dapat mencapai beberapa hasil positif. Tetapi, jika ia sekadar untuk menyatakan betapa agungnya Islam, ia tidak akan banyak membantu kita," katanya.

"Oleh itu, kita perlu memahami Islam dengan lebih mendalam kerana saya rasa ada terlalu banyak interpretasi mengenai Islam termasuk toleransi terhadap agama lain yang kita sendiri tidak sehaluan dengannya," katanya.

Menurutnya atas sebab ini, multaqa itu penting kerana para ulama diharapkan dapat mencapai konsensus mengenai beberapa isu.

Kira-kira 900 ulama dan cendekiawan Islam termasuk 90 dari luar negara menghadiri multaqa tiga hari itu.

Perhimpunan itu, yang bertema "Islam dalam Era Globalisasi", akan membincangkan 22 kertas kerja mengenai politik, isu sosial, ekonomi dan pembangunan.

--BERNAMA

AZZ AZZ ABG NAK